

19 DEC 2003

Abdullah-Kuasa

JANGAN GUNA KUASA UNTUK KUMPUL DANA PERIBADI, KATA ABDULLAH

PUTRAJAYA, 19 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam ini menghantar mesej tegas kepada kakitangan kerajaan untuk tidak menyalahgunakan kuasa bertujuan mengumpul kekayaan peribadi.

"Kita perlu ingat bahawa tanggungjawab yang diberikan kepada kita adalah untuk membangunkan negara dan bukan kuasa untuk kepentingan diri sendiri atau, yang lebih buruk lagi, kuasa untuk membuka jalan memuaskan keinginan membangunkan dana peribadi," katanya.

Beliau berkata demikian pada jamuan malam tahunan Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia yang turut meraikan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Abdullah berkata adalah menjadi tanggungjawab kakitangan awam memberikan perkhidmatan berkualiti kepada pengguna, termasuk pembayar cukai dan korporat yang menjana aktiviti ekonomi.

Beliau menggesa kakitangan awam supaya berkhidmat lebih apabila menjalankan tanggungjawab mereka supaya orang ramai tidak merasa kebimbangan apabila berurusan dengan perkhidmatan awam.

"Kita patut sentiasa mesra rakyat, kita mestilah dengan ikhlas mendengar, meneliti, menyelesaikan masalah, permohonan, cadangan dan apa-apa lagi tugas yang sememangnya menjadi tanggungjawab kita.

"Kita juga mesti ada semangat kerja yang jitu. Jangan sekali-kali melepaskan batuk di tangga," katanya.

Beliau juga berjanji bahawa Malaysia akan kekal sebagai sebuah negara yang selesa kepada perusahaan swasta yang telah dan akan diteruskan pada masa akan datang, menjadi enjin kepada pertumbuhan ekonomi negara.

"Tetapi tanpa satu sistem penyampaian yang bertaraf kelas pertama, roda enjin tidak akan berhenti berpusing. Sektor swasta hanya boleh berkembang jika sektor swasta memainkan peranannya," kata beliau.

-- BERNAMA

MAM BK